PERLU DIPELAJARI

Makna Fatihah

Apabila kita bersembahyang, kita hendaklah sentiasa khusyuk, tidak boleh mengingat selain daripada sembahyang. Untuk menjadikan kita khusyuk di dalam sembahyang, diantaranya kita perlu mengetahui makna Fatihah dan kita perlu mengikuti maknanya di dalam sembahyang supaya sembahyang kita diterima oleh Allah, iaitu:

1. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ .

Ertinya: Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Kasih Sayang.
Perkataan ini dimulai dengan nama Allah. (بِسْمِ اللهِ)
Maknanya kalau kita sembahyang, bermakna aku sembahyang dengan nama Allah. Kalau kita hendak makan, bermakna aku makan dengan nama Allah. Kalau kita berjalan, bermakna aku berjalan dengan nama Allah. Kalau kita hendak tidur, bermakna aku tidur dengan nama Allah, dan begitulah seterusnya. Tiap-tiap apa yang kita hendak buat, maka sunat kita membaca بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
Jangan kita lupa بِسْمِ اللهِ nanti syaitan akan mencelahi perbuatan kita. Maka akan menjadi huru haralah.
Selepas kita membaca بِسْمِ اللهِ . kita sambung pula dengan perkataan الرَّحْمٰنِ
Ertinya: Maha Pemurah .
Sehingga orang kafir pun diberi rezeki padahal mereka sentiasa menentang perintah Allah Taala.
Kalaulah tiada sifat الرَّحْمٰنِ ini pada Allah, nescaya semua orang kafir mati kelaparan. Seteguk air pun mereka tidak akan dapat. Tetapi nasib baik Allah bersifat dengan الرَّحْمٰنِ .
Maha Pemurah, maka mereka boleh hidup senang lenang dan kaya raya apabila mereka berusaha sehingga mereka dapat melebihi daripada orang Islam. Tetapi mereka tetap ingkar dan derhaka

kepada Allah. Derhaka ini, tuhan akan balas mereka di Akhirat kelak dengan dimasukkan ke dalam api Neraka buat selama-lamanya. Inilah padahnya orang yang ingkar perintah Allah. Kita sebagai umat Islam mesti benar-benar patuh kepada perintah Allah semoga Allah balaskan kita dengan Syurga di Akhirat kelak. Selepas perkataan الرَّحْمٰن kita dapat pula perkataan الرَّحِيْم Ertinya: Maha Kasih Sayang. Maha Kasih Sayang ini Allah tidak akan memberi pada orang kafir sama sekali, sebaliknya diberi kepada orang yang mukmin yang mengikut perintah Allah sahaja. Iaitu dengan dimasukkan ke dalam Syurga di Akhirat kelak buat selama-lamanya. Orang kafir tidak diberi Syurga sampai bila-bila masa pun. Mereka tetap juga di dalam Api Neraka itu. Inilah sebabnya yang kita umat Islam mesti mengikuti segala perintah Allah. Buat segala yang disuruh, tinggal segala yang dilarang. Dengan ini, perlu kita mempelajari apa yang disuruh, tinggal apa yang dilarang oleh Allah itu. Semoga kita hidup bahagia di dunia dan di Akhirat. Carilah guru dan belajarlah bersungguh-sungguh, sama ada ilmu Tauhid, iaitu ilmu mengenal Allah dan segala rukun iman yang enam.
Keduanya, ilmu Fikah – untuk mengetahui cara senbahyang yang betul dan juga segala perkara yang berhubung dengan Rukun Islam yang lima dan semua kerja yang kita buat setiap hari. Dan yang ketiga, ilmu Tasauf, supaya kita dapat membentuk akhlak peribadi kita yang baik terhadap Allah, Rasul dan juga semua makhluk. Ingatlah! Kalau kita ada membuat kesalahan kepada Allah, bertaubatlah dengan segera dan laksanakanlah dengan mengikuti tiga unsur ilmu ini iaitu Tauhid, Fiqah dan Tasauf yang berpandukan Quran, Hadis dan juga para ulama.

2. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ

Ertinya: Segala puji bagi Allah tuhan bagi sekelian alam.
Maksudnya اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ segala puji bagi Allah..
Puji itu ada empat bahagian, iaitu puji Allah terhadap Allah seperti

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ ini -

Yang kedua, puji Allah terhadap makhluknya. Yang ketiga, puji makhluk terhadap makhluknya. Seperti kita berkata: "engkau cantik, rumah itu cantik, binatang itu cantik" dan yang keempat, puji makhluk (kita) terhadap Allah. Seperti kita berkata,"Allah itu Maha Kaya, Maha Pemurah, Maha Berkuasa dan sebagainya. Maka keempat-empat pujian ini semuanya kembali kepada Allah. Maksud العالمين ialah barang yang lain daripada Allah, dikatakan juga makhluk atau baharu.- Hadith seperti – langit, bumi, matahari, bulan, bintang-bintang, udara, manusia, binatang, tumbuh-tumbuhan dan sebagainya yang selain daripada Allah. Dengan adanya alam makhluk inilah maka kita perkatakan bahawa tuhan itu ada dan wajib disembah kepadanya sahaja.

3. الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Iaitu Allah Maha Pemurah dan Maha Kasih Sayang
Baca balik pada بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

4. مٰلِكِ يَوْمِ الدِّيْنِ

Ertinya: Allah yang memiliki pada hari Qiamat, pada Padang Mahsyar. Maksudnya pada Padang Mahsyar kelak, Allah akan menghitung semua makhluk ini khasnya manusia dan jin – akan tempat-tempat mereka itu sama ada ke Syurga atau ke Neraka. Segala amalan yang mereka lakukan di dunia ini semuanya akan dipertimbangkan, diperhitungkan, dikirakan sama ada kafir atau pun mukmin. Setelah selesai maka baharulah dimasukkan ke dalam Syurga ataupun ke Neraka.Tidak ada siapa yang boleh menghalangnya.

5. إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِيْنُ

Ertinya: Kepada engkau sahaja kami sembah dan kepada engkau sahaja kami meminta tolong.

Maksudnya: Kita tidak boleh menyembah selain daripada Allah. Orang-orang yang menyembah selain daripada Allah di hukum kafir – kekal di dalam Neraka – seperti menyembah kepada manusia, kepada jin, kepada batu kayu, kepada patung, tembaga, emas, perak dan sebagainya.
Atau kita percaya ada kuasa selain daripada Allah seperti menggunakan tangkal azimat, batu cincin atau menggunakan jin dan sebagainya yang dikatakan berkuasa.
Begitu juga, kita tidak boleh meminta pertolongan selain daripada Allah apabila kita mendapat satu-satu kesusahan atau satu-satu bala. Maka perlulah kita berdoa kepada Allah dan meminta pertolongan daripadanya untuk menghilangkan kesusahan atau bala itu serta berusaha secara zahirnya.

6. اِهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيْمَ

Ertinya: Tunjukkanlah kami ke jalan yang lurus.
Maksudnya: Kita perlu memohon kepada Allah supaya ia memberi petunjuk kepada jalan yang lurus, jalan yang diredhai Allah, jalan ke Syurga.

7. - صِرَاطَ الَّذِيْنَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ

Ertinya: Jalan yang engkau memberi nikmat kepada mereka itu. Iaitu jalan ke Syurga seperti para-para rasul, para anbia, para auliya, para syuhada' dan para solehin.

8. غَيْرِ الْمَغْضُوْبِ عَلَيْهِمْ

Ertinya: Jalan yang tidak dimurkai oleh Allah terhadap mereka itu.
Maksudnya: Supaya Allah memberi petunjuk kepada jalan yang lurus, tidak kepada jalan yang dimurkai oleh Allah seperti golongan Yahudi dan Kristian yang mereka itu adalah sebagai penghuni Neraka.

9. وَلَا الضَّآلِّيْنَ

Ertinya : Dan tidak kepada jalan yang sesat – seperti orang kafir, Yahudi dan Kristian dan lain-lain kafir.

10. آمِيْنَ

Ertinya: Perkenankanlah olehmu ya Allah.
Bacaan آمِيْنَ ini hukumnya sunat sahaja. Inilah yang mesti kita ingat apabila kita membaca Fatihah khasnya di dalam sembahyang supaya sembahyang kita menjadi khusyuk dan diterima oleh Allah.
Banyak ayat Quran dan hadis Nabi yang menyuruh kita bersifat khusyuk di dalam sembahyang. Antaranya:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ . قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُوْنَ
الَّذِيْنَ هُمْ فِيْ صَلَاتِهِمْ خَاشِعُوْنَ .

Ertinya: Sesungguhnya berjayalah orang-orang mukmin yang adalah mereka itu khusyuk di dalam sembahyangnya.

وَاللهُ أَعْلَمُ .
WALLAHU WAALAM